


SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



USB.01/04.01/10.12/22(10)

PEKELILING MAHASISWA  
BIL.5/2012

**PERINGATAN BERKAITAN MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) BAGI MAHASISWA PROGRAM SARJANA MUDA, PENGAJIAN SEPARUH MASA UTMSPACE**

Dimaklumkan bahawa masih terdapat Mahasiswa Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa, Pusat Pengajian Separuh Masa, UTMSPACE yang masih belum mengemukakan keputusan peperiksaan *Malaysian University English Test (MUET)* ke UTMSPACE. Lampiran A Surat Tawaran Kemasukan : Maklumat Penting Tawaran Kemasukan, Perkara 2 menjelaskan bahawa:-

*“Calon Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda dimestikan mengambil ujian Malaysian University English Test (MUET) dalam tempoh empat (4) semester pertama pengajian bermula dari semester kemasukan mahasiswa dan mendapat sekurang-kurangnya **Band 1**. Sila kemukakan keputusan Ujian MUET yang telah diambil ke UTMSPACE untuk direkod. Universiti tidak menguruskan Ujian MUET. Sila rujuk laman web berikut untuk maklumat lanjut mengenai MUET : [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my).”*

Sehubungan itu, diingatkan kepada semua Mahasiswa Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa UTMSPACE bahawa pihak UTMSPACE boleh menarik balik tawaran pengajian sekiranya mahasiswa masih tidak mengemukakan salinan keputusan *MUET* sehingga tempoh yang telah ditetapkan.

Kemasukan	Tempoh
2004/2005 (Julai) – 2005/2006 (Disember)	Sebelum permohonan penganugerahan
2006/2007 (Julai) ke atas	Empat (4) semester pertama daripada semester kemasukan

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

**PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS**

Pengarah  
Pusat Pengajian Separuh Masa  
UTMSPACE

- s.k - Dekan, UTMSPACE  
- Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa, UTMSPACE  
- Ketua Jabatan Program Luar, Fakulti-Fakulti UTM